

## JAWAPAN SOALAN 1 : RUMUSAN DAN SOALAN 2 (a) -PETIKAN UMUM

### JAWAPAN PRAKTIS 1

---

#### Pendahuluan/Pengenalan

Petikan membincangkan **cara/kaedah/usaha** pencegahan kes-kes kekejaman terhadap kanak yang berlaku di Malaysia/di negara ini.

#### Isi tersurat - (langkah)

1. Ibu bapa perlu bertanggungjawab terhadap keselamatan kanak-kanak.
2. Ibu bapa harus mengajar anak supaya mempunyai sifat curiga kepada orang yang tidak dikenali.
3. Mengajar anak mengehadkan sempadan kehadiran orang yang tidak ' diiktiraf ' sebagai saudara mara atau sahabat keluarga.
4. Kanak-kanak di bawah umur seharusnya sentiasa di bawah pengawasan keluarga.
5. Ibu bapa perlu mencari titik keseimbangan bagi memastikan masa berkualiti dapat diberikan kepada anak-anak.
6. Ibu bapa perlu sedar bahawa anak-anak juga mempunyai hak untuk bersama-sama mereka.
7. Jangan mengawasi anak-anak secara bermusim.
8. Penjenayah tidak seharusnya diberikan ruang dan peluang untuk bertindak.
9. Ibu bapa juga perlu memastikan persekitaran anak sentiasa selamat.

#### Isi tersirat - (manfaat)

1. Keselamatan anak-anak lebih terjamin/selamat sepanjang masa.
2. Kes-kes jenayah terhadap kanak-kanak dapat dicegah lebih awal.
3. Kanak-kanak lebih prihatin terhadap keperluan menjaga keselamatan diri/ kanak-kanak terdidik untuk bertindak sendiri menghalang jenayah terhadap mereka.
4. Ibu bapa lebih prihatin terhadap pergerakan anak-anak.
5. Undang-undang kesalahan jenayah terhadap kanak-kanak menjadi lebih kemas.
6. Melahirkan masyarakat yang prihatin terhadap keselamatan kanak-kanak.
7. Pihak polis/pihak berkuasa dapat bertindak segera jika ada laporan.

#### Kesimpulan

Semua pihak perlu berganding bahu mencegah kekejaman terhadap kanak-kanak agar keselamatan kanak-kanak terjamin.

#### Soalan 2 (a) : Petikan Umum

- (i) Maksud rangkai kata *kejadian menyayat hati* ialah peristiwa/perkara/perihal yang menghiris perasaan/jiwa
- (ii) Pelaku jenayah terhadap kanak-kanak sukar dikenal pasti kerana
  - mereka kelihatan normal
  - mereka hidup bebas
  - tingkah laku mereka sukar dijangkakan
  - corak perlakuan jenayah mereka tidak sama
- (iii) Peranan masyarakat bagi memerangi kes kekejaman terhadap kanak-kanak
  - Prihatin/peka/sensitif terhadap keselamatan kanak-kanak
  - Melaporkan kes kepada pihak berkuasa dengan segera
  - Bertindak spontan menghalang kejadian
  - Peka akan kehadiran orang asing/luar yang dicurigai/tidak dikenali
  - Menegur/menasihati ibu bapa/ahli keluarga yang bertindak kejam terhadap kanak-kanak

### **PENDAHULUAN**

Petikan membincangkan **kebaikan/ kepentingan/faedah/manfaat/kemaslahatan/ kesan positif** makan bersama-sama dengan keluarga dalam kalangan masyarakat.

### **ISI TERSURAT - Kelebihan makan bersama-sama dengan keluarga:**

1. Dapat menunjukkan tabiat pemakanan yang baik.
2. Ibu bapa boleh menetapkan disiplin atau peraturan di meja makan.
3. Boleh berinteraksi dengan anak-anak.
4. Dapat mengesan pergerakan harian anak-anak.
5. Kemungkinan anak-anak untuk berbabit dalam gejala sosial rendah rendah.
6. Boleh menjadikan masa makan sebagai masa yang terbaik untuk memuji anak-anak.
7. Dapat melatih anak-anak berfikir dan bertutur.
8. Keakraban hubungan antara anggota keluarga akan terjalin.
9. Mampu membentuk adab sopan anak-anak.

### **ISI TERSIRAT - Halangan untuk mengamalkannya:**

1. Ibu bapa sibuk dengan kerjaya / aktiviti masing-masing.
2. Amalan ini tidak menjadi budaya dalam keluarga.
3. Kurangnya usaha ibu bapa untuk mengamalkannya.
4. Kurangnya kesedaran tentang kepentingan makan bersama dalam kalangan masyarakat.
5. Anak-anak sibuk dengan aktiviti sekolah / tuisyen.
6. Tarikan makanan segera / terdapat banyak pilihan makanan di luar.
7. Ruang makan di rumah tidak kondusif / sesuai / selesa.

### **KESIMPULAN**

Ibu bapa haruslah membudayakan amalan makan bersama-sama dengan keluarga supaya dapat membentuk keluarga bahagia.

### **Soalan 2(a) : Petikan Umum**

i) Maksud rangkai kata *kesejahteraan minda* ialah ketenangan / ketenteraman pemikiran/fikiran/akal

### **ii) Tabiat buruk yang diamalkan ketika makan:**

- makan tanpa mengikut waktu makan yang sepatutnya.
- gemar menikmati makanan ketika menonton televisyen.
- makan tergesa-gesa.

### **iii) Langkah-langkah untuk mengalakkan amalan makan bersama-sama dengan keluarga:**

- kempen galakan makan bersama-sama dengan keluarga.
- media massa menguar-uarkan kebaikan amalan makan bersama-sama dengan keluarga.
- ibu bapa menetapkan waktu makan bersama-sama dengan keluarga.
- melatih/mengasuh anak-anak makan bersama-sama sejak kecil.
- menyediakan makanan kesukaan/kegemaran keluarga.

## PENDAHULUAN

Petikan membincangkan langkah-langkah / cara-cara memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia.

### ISI TERSURAT – Usaha-usaha memupuk perpaduan

1. Kerajaan memperkenalkan Rukun Negara
2. Masyarakat Malaysia hendaklah mengamalkan sikap keterbukaan
3. Ibu bapa memainkan peranan besar dalam membentuk sikap yang mulia kepada anak-anak mereka
4. Ibu bapa memahami tanggungjawab mendidik anak-anak tidak terhad kepada amalan sikap keterbukaan
5. Ibu bapa mendidik soal adab, asuhan keagamaan dan pembentukan jati diri.
6. Anak-anak diterapkan dengan nilai-nilai murni yang universal
7. Kerajaan telah memperkasakan sekolah kebangsaan untuk menyatukan generasi muda melalui pendidikan dan bahasa kebangsaan.
8. Dasar Integrasi Nasional juga telah dilancarkan
9. Dasar Ekonomi Baru pula, satu lagi usaha untuk mewujudkan kerjasama agar kekayaan negara dibahagikan sama rata.
10. Program Latihan Khidmat Negara mampu merapatkan hubungan dan menjalin perpaduan.

### ISI TERSIRAT - kepentingannya

1. Mengekalkan keamanan negara
2. Meningkatkan imej negara di mata dunia.
3. Memajukan ekonomi
4. Masyarakat Malaysia hidup dalam keadaan selamat

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, pemupukan perpaduan kaum hendaklah dipertingkatkan agar negara kekal aman dan sejahtera.

### Soalan 2(a) - Petikan umum

- (i) Maksud *prinsip-prinsip jitu* ialah asas/dasar/hukum tepat/kena pada tempatnya
- (ii) Masalah-masalahnya ialah;
  - sikap rakyat yang sombong
  - enggan bergaul, terutamanya di bandar-bandar besar
  - menganggap isu perpaduan tidak mendatangkan sebarang faedah
  - tidak jujur atau tidak adil terhadap orang lain
  - rakyat pula tidak memberi kerjasama
  - membantah segala program yang dilaksanakan oleh kerajaan
- (iii) Langkah yang boleh diambil oleh pihak sekolah untuk memupuk perpaduan dalam kalangan pelajar ialah;
  - melalui aktiviti kokurikulum yang melibatkan semua kaum
  - adakan kempen kesedaran tentang perpaduan
  - peranan guru memupuk perpaduan melalui proses pengajaran
  - aktiviti kumpulan dalam P dan P
  - aktiviti RIMUP di sekolah
  - dasar 1 Murid 1 Sukan
  - penerapan pelajaran sivik dan kewarganegaraan
  - penghayatan prinsip Rukun Negara

## PENDAHULUAN

Petikan membincangkan faktor-faktor berlakunya obesiti dalam kalangan murid-murid di negara kita / di Malaysia.

### ISI TERSURAT – Punca-punca obesiti dalam kalangan murid

1. Pengambilan makanan segera.
2. Membabitkan pengambilan makanan berlebihan
3. Kurang melakukan aktiviti fizikal.
4. Pertambahan berat badan ketika ibu mengandung.
5. Pilihan dan jumlah aktiviti fizikal kanak-kanak.
6. Kanak-kanak lebih gemar melakukan aktiviti di dalam rumah
7. Perubahan persekitaran sosial/ kesibukan ibu bapa bekerja
8. Industri makanan menjadikan kanak-kanak sebagai sasaran pemasaran
9. Pengaruh iklan terhadap kanak-kanak
10. Faktor genetik.

### ISI TERSIRAT - Langkah-langkah mengawal obesiti

1. Ibu bapa perlu mengawal pemakanan anak-anak.
2. Ibu bapa membawa anak-anak mengikuti aktiviti kecergasan.
3. Pihak kementerian perlu mengawal penjualan makanan di kantin sekolah.
4. Pihak sekolah mewajibkan murid-murid menjalani pemeriksaan kesihatan.
5. Pihak kementerian menjalankan pemeriksaan kesihatan di sekolah.
6. Pihak swasta bekerjasama mengadakan kempen pengurangan berat badan dalam kalangan murid-murid sekolah.
7. Pihak media menyiarkan iklan tentang cara mengawal berat badan melalui media massa.
8. Sentiasa melakukan aktiviti fizikal
9. Mengamalkan gaya hidup sihat.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, masalah obesiti dalam kalangan murid-murid perlu ditangani agar kesihatan mereka tidak terganggu.

## SOALAN 2 (a) – Petikan Umum

- (i) Maksud rangkai kata *peningkatan yang ketara* ialah pertambahan yang jelas/ nyata.
- (ii) Bukti yang menunjukkan masalah obesiti membimbangkan pelbagai pihak:
  - Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (LPKM) menjangkakan sebanyak 30 peratus rakyat akan mengalami obesiti pada tahun ini.
  - Ketua Pegawai LPKM, Dr Yahya Baba berkata, angka itu menunjukkan peningkatan ketara berbanding tahun-tahun sebelum ini.
  - Jika kesedaran mengenainya tidak diberi perhatian serius peratusannya mungkin lebih daripada itu.
  - Statistik menunjukkan obesiti dalam kalangan dewasa negara ini meningkat mendadak dalam tempoh 10 tahun dari 1996 hingga 2006.
- (iii) Kesan obesiti terhadap murid-murid:
  - gangguan kesihatan/ cepat berasa penat
  - kesukaran untuk bergerak
  - penyakit kronik - diabetes, paras kolesterol yang tinggi, darah tinggi
  - kesukaran untuk bergiat aktif dalam kokurikulum
  - sukar untuk bergaul dengan rakan sebaya
  - kurang keyakinan diri/ rendah diri
  - kurang tumpuan terhadap pelajaran

## PENDAHULUAN

Petikan membincangkan faktor/ punca berlakunya pencemaran air di negara ini.

### ISI TERSURAT - Sebab-sebab berlakunya pencemaran air

1. Pembuangan sisa kumbahan yang tidak sempurna.
2. Aktiviti pertanian sama ada yang berskala kecil mahupun berskala besar.
3. Pembukaan dan penerokaan tanah yang tidak terkawal.
4. Penggunaan racun serangga dan baja kimia dalam bidang pertanian.
5. Aktiviti penternakan juga menjadi masalah besar.
6. Sikap ambil mudah masyarakat yang membuang sampah terus ke dalam longkang dan sungai.
7. Pengaliran dan pembuangan sisa perindustrian secara tidak selamat.
8. Kegiatan ekonomi manusia yang mementingkan keuntungan semata-mata.
9. Air buangan daripada kegiatan perniagaan dan industri.

### ISI TERSIRAT - usaha-usaha untuk mengatasi masalah pencemaran air

1. Kerajaan mempergiat kempen Cintai Sungai.
2. Ibu bapa mendidik anak-anak agar menghargai sumber air sejak mereka kecil lagi.
3. Pihak berkuasa harus mengawal aktiviti penerokaan tanah dan pemusnahan hutan.
4. Pihak sekolah memberi penekanan terhadap kepentingan menguruskan pembuangan sampah dengan baik.
5. Peranan NGO mengadakan kempen Cintai Alam Sekitar secara berkala.
6. Masyarakat melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya ada aktiviti yang melibatkan pencemaran alam sekitar.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, masyarakat **perlu** menghargai sumber air yang ada **agar** masalah pencemaran air dapat dibendung.

### Soalan 2(a) : Petikan Umum

- (i) Maksud rangkai *semakin serius* ialah bertambah/meningkat teruk/kronik/kritikal.
- (ii) Kesan-kesan yang akan timbul akibat pencemaran air:
  - memberikan kesan kepada kehidupan akuatik dan keindahan alam semula jadi.
  - isu seperti air yang berbau busuk dan tidak menyenangkan yang pernah berlaku di Selangor dan Putrajaya.
  - memberi kesan buruk kepada kesihatan manusia akibat sisa buangan industri yang mengandungi bahan keluli, bakteria, bahan-bahan organik dan bukan organik yang tidak dirawat dengan betul.
- (iii) Kekangan:
  - masyarakat yang mementingkan diri sendiri tidak ambil peduli tentang keadaan sungai/ sampah ke dalam sungai.
  - tindakan tidak tegas pihak berkuasa terhadap pihak yang mengalirkan sisa buangan ke sungai / penguatkuasaan undang-undang yang lemah atau longgar / tidak mengambil tindakan / kawasan di bawah penguatkuasaan sungai yang terlalu luas - tidak mampu menguatkuasakan undang-undang.
  - semangat mencintai alam sekitar semakin pudar dalam jiwa orang ramai / lebih mementingkan ekonomi dan keperluan hidup.

### Soalan 1: Rumusan

#### PENDAHULUAN

Petikan membincangkan isu keselamatan dalam penggunaan aplikasi perbankan e1elektronik dalam kalangan masyarakat kini.

#### ISI TERSURAT - langkah-langkah keselamatan penggunaan perbankan elektronik

1. Pengguna memastikan kata laluan ke akaun pengguna sukar diteka oleh orang lain.
2. Pengguna perlu menukar kata laluan dengan lebih kerap.
3. Pengguna memadamkan data berkenaan aktiviti internet.
4. Pengguna ditegah melayan e-mel yang meminta penukaran nombor pin atau kata laluan perbankan.
5. Pengguna tidak melayari/mengakses laman sesawang perbankan e1elektronik dengan jalan pintas.
6. Pengguna tidak sewenang-wenangnya memberi kata laluan perbankan elektronik kepada sesiapa.
7. Pengguna memastikan resit transaksi disimpan untuk rujukan.
8. Pengguna dinasihati mencatatkan nombor pin atau kata laluan di tempat yang selamat.
9. Pengguna tidak mudah percaya dengan sistem pesanan ringkas (SMS) yang meminta menghantar maklumat rahsia.
10. Pengguna berinisiatif untuk mendapatkan maklumat terkini.
11. Pihak bank seharusnya sentiasa menaik taraf langkah keselamatan.

#### ISI TERSIRAT - faedah-faedah penggunaan perbankan elektronik

1. Menjimatkan masa menunggu/beratur/perjalanan dsb.
2. Menjimatkan kos minyak/parkir/pengangkutan dsb.
3. Memudahkan pengguna menjelaskan pelbagai bil/urusan transaksi.
4. Segala urusan perbankan boleh dilakukan di mana-mana dan bila-bila sahaja.
5. Keselamatan diri dan wang lebih terjamin/tidak perlu membawa wang tunai yang banyak untuk membayar bil.
6. Melahirkan masyarakat celik teknologi.

#### KESIMPULAN

Kesimpulannya, masyarakat hendaklah meningkatkan penggunaan perbankan elektronik agar urusan perbankan lebih efisien.

### Soalan 2(a) : Petikan Umum

- (i) Maksud rangkai kata *dicipta untuk menerobos* ialah direka/ dihasilkan/ diwujudkan/ dibentuk/ dibuat/ diadakan untuk menembusi/ menceroboh/ mengakses/ menggodam/ melantasi.
- (ii) Cara-cara menggunakan khidmat perbankan elektronik:
  - pengguna hanya perlu menatap skrin komputer
  - melayari laman sesawang perbankan yang dipilih
  - menaip kata laluan atau nombor pin
  - memilih urusan transaksi yang diperlukan
- (iii) Khidmat perbankan elektronik kurang mendapat sambutan daripada pengguna kerana:
  - kurang keyakinan terhadap keselamatan sistem perbankan elektronik disebabkan oleh berlakunya kes-kes penipuan.
  - kurang pengetahuan/buta IT terutama dalam kalangan orang tua
  - kurang kesedaran disebabkan tahap pendidikan yang rendah
  - warga tua yang sukar menerima perubahan/pembaharuan disebabkan selesa dengan cara konvensional.
  - pengguna tidak sedar akan bahaya membawa wang tunai dalam jumlah yang banyak disebabkan oleh mereka selesa dengan cara tersebut.
  - talian internet kurang memuaskan/tidak meliputi semua kawasan terutama di kampung-kampung.
  - masyarakat tidak mampu melanggan internet/tiada talian internet di rumah disebabkan kadar yang mahal.

\* jawapan lain boleh diterima sekiranya sesuai

### Soalan 1 : Rumusan

#### PENDAHULUAN

Petikan membincangkan akibat/implikasi/natijah penggunaan Internet dalam kalangan remaja/golongan muda.

#### ISI TERSURAT – kesan-kesan penggunaan Internet

1. Remaja terpengaruh oleh budaya hedonisme dan akhirnya melalaikan kepentingan pelajaran.
2. Remaja selalu ponteng sekolah dan kelas tuisyen.
3. Pelbagai jenayah siber dilakukan dalam kalangan remaja menunjukkan peningkatan.
4. Boleh menjurus kepada provokasi dan fitnah.
5. Disalahgunakan oleh mereka dengan melayari laman sesawang yang memaparkan kandungan yang bertentangan dengan amalan budaya dan agama.
6. Generasi muda dikatakan akan menghadapi krisis kecelaruan identiti dan jati diri.
7. Meruntun remaja dengan gaya hidup asing serta menghakis kesantunan dalam pertuturan lisan dan perlakuan.
8. Mendorong golongan muda ke arah pemikiran liberal.
9. Mereka sukar merealisasikan hala tuju negara secara menyeluruh.

#### ISI TERSIRAT - tanggungjawab ibu bapa untuk mengatasinya.

1. Ibu bapa mengawasi penggunaan Internet di rumah/ menetapkan waktu penggunaan Internet di rumah
2. Ibu bapa perlu memberikan didikan agama yang mantap kepada anak-anak
3. Ibu bapa menetapkan lokasi penggunaan Internet di rumah/hanya pada waktu siang/meletakkan komputer di ruang tamu yg terbuka
4. Ibu bapa mengajar etika menggunakan Internet
5. Ibu bapa memasukkan perisian penapisan kandungan Internet/memasukkan kata kunci (untuk menyekat anak-anak daripada melayari laman-laman tidak sesuai)

(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

#### KESIMPULAN

Kesimpulannya, semua pihak harus berusaha untuk mengatasi kesan buruk penggunaan Internet dalam kalangan remaja agar remaja bersahsiah tinggi dapat dilahirkan.

### Soalan 2(a) : Petikan Umum

- (i) Maksud mengancam/menjejaskan/mencemarkan/merosakkan peradaban/cara hidup/ amalan hidup
- (ii) Faktor-faktor
  - tarikan Internet lebih menyeronokkan berbanding dengan gejat-gajet yang lain.
  - sesetengah ibu bapa yang buta Internet dan tidak mengetahui kebaikan dan keburukannya.
  - di kebanyakan kawasan berhampiran dengan kawasan perumahan terdapat kafe siber yang menyediakan kemudahan Internet dengan bayaran yang murah
- (iii) Langkah-langkah kerajaan menangani jenayah siber
  - Kerajaan menubuhkan agensi untuk mengawal laman sesawang daripada dilayari oleh golongan remaja
  - Kerajaan boleh menghadkan masa operasi kafe siber
  - Mengenakan tindakan undang-undang/menguatkuasakan undang-undang.
  - pemantauan pihak berkuasa di alam siber.
  - Remaja perlu disedarkan tentang kesan buruk penyalahgunaan Internet di sekolah/oleh Kementerian Pendidikan.

**Soalan 1 : Rumusan**

**PENDAHULUAN**

Petikan membincangkan kebaikan/faedah/manfaat pemupukan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat.

**ISI TERSURAT – kepentingan pemupukan semangat patriotisme**

1. Membentuk ke arah membina negara bangsa yang bersatu padu.
2. Menjadi benteng untuk memastikan kemerdekaan negara akan terus dapat didaulatkan
3. Meningkatkan keyakinan kita bahawa negara ini lebih hebat daripada negara lain
4. Mengekalkan semangat juang yang tinggi untuk mendaulatkan kedudukan status serta pengaruh bangsa dan negara
5. Meningkatkan semangat rakyat untuk mempertahankan negara daripada musuh dan ancaman luar.
6. Menunjukkan kesetiaan kepada raja dan negara.
7. Melahirkan rakyat yang saling membantu dan bekerjasama membangunkan negara.
8. Menonjolkan imej Malaysia sebagai bangsa dan negara yang berwibawa di arena antarabangsa.

**ISI TERSIRAT - langkah-langkah memupuk semangat patriotisme di negara ini**

1. Melaksanakan program khusus seperti Program Latihan Khidmat Negara
2. Meningkatkan kesedaran rakyat melalui kempen
3. Menerapkan unsur patriotik dalam sukatan pelajaran
4. Membanyakkan lagu berunsur patriotik
5. Menggalakkan rakyat menggunakan barangan tempatan

(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

**KESIMPULAN**

Kesimpulannya, semangat patriotisme hendaklah dipupuk supaya dapat memantapkan jati diri rakyat.

**Soalan 2(a): Petikan Umum**

- (i) Maksud rangkai kata *menonjolkan imej* ialah memperkenalkan/ memperlihatkan rupa / wajah / simbol
- (ii) Usaha-usaha:
- Golongan muda mengambil contoh dan teladan pejuang kemerdekaan negara
  - Semangat juang yang tinggi dimulakan di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah
- (iii) Punca-punca:
- Tidak menghadapi kesusahan kerana lahir ketika negara sudah merdeka dan maju
  - Terlalu mementingkan kerjaya untuk memenuhi tuntutan hidup
  - Terpengaruh dengan anasir luar yang meleakakan
  - Taksab kepada kepentingan kaum sendiri
  - Kurangnya kempen kesedaran kepada generasi muda.

### Soalan 1: Rumusan

#### PENDAHULUAN

Petikan membincangkan kebaikan/ kelebihan/ kepentingan/ manfaat/kesan positif/ masalah bersenam kepada orang ramai dalam kehidupan mereka.

#### ISI TERSURAT - faedah-faedah bersenam kepada orang ramai

1. Berada kekal dalam keadaan cergas dan sihat.
2. Kita akan menjadi lebih segar dan tidak mengantuk.
3. Jantung akan lebih kuat.
4. Dapat menjadikan seseorang sentiasa gembira dan dalam keadaan tenang.
5. Mampu meningkatkan proses pembelajaran.
6. Kelihatan hebat dan berkeyakinan.
7. Mampu menangani masalah kemurungan.
8. Membantu mengawal berat badan yang berlebihan.
9. Jangka hayat lebih panjang.

#### ISI TERSIRAT - masalah-masalah untuk melakukan senaman

1. Tidak ada masa / sibuk dengan tugas seharian.
2. Tidak mempunyai tempat / ruang untuk bersenam.
3. Letih / penat.
4. Ada penyakit kritikal / berbahaya.
5. Tidak mempunyai peralatan senaman.
6. Tiada kesedaran / tiada motivasi.
7. Bimbang mendapat kecederaan.

#### KESIMPULAN

Kesimpulannya, semua orang perlulah bersenam agar kesihatan diri dapat dikekalkan.

### Soalan 2 (a) –Petikan Umum

- (i) Maksud rangkai kata *strategi yang berkesan* ialah cara/usaha/kaedah/teknik yang meninggalkan bekas/tanda/impak yang diharapkan.
- (ii) Ciri-cirinya:
  - Kebolehan melakukan tugas harian.
  - Mereka jarang sakit.
  - Tidak kerap mendapatkan rawatan perubatan.
- (iii) Cara-cara yang boleh dilakukan untuk menggalakkan seseorang bersenam:
  - Kempen /iklan/kebaikan bersenam
  - Mewajibkan aktiviti sukan/ PJK di sekolah / pertandingan/Dasar 1M1S.
  - Mengadakan aktiviti di kawasan tempat tinggal/kampung/ taman.
  - Melantik jurulatih yang berkaliber di sekolah.
  - Mendirikan tempat/ dewan /pusat untuk aktiviti bersenam/ prasarana/ kemudahan bersenam.
  - Ibu bapa mengajak anak-anak bersenam.

### Soalan 1: Rumusan

#### PENDAHULUAN

Petikan membincangkan cara/ langkah/ kaedah/tindakan remaja untuk merealisasikan gagasan '1Malaysia' di negara kita.

#### ISI TERSURAT - peranan remaja untuk merealisasikan '1Malaysia'

1. Semua remaja dan belia perlu mempunyai misi dan visi yang sama dengan kepemimpinan negara.
2. Remaja kita perlu menghayati falsafah muhibah dan kerukunan serta keharmonian antara kaum selama ini.
3. Remaja juga mestilah mempunyai kemahiran berfikir dan kemahiran menyelesaikan masalah.
4. Remaja yang cemerlang dalam mengejar ilmu pengetahuan mempunyai sifat dan ciri yang dapat menjadikan mereka berminda kelas pertama.
5. Orang muda perlu berjuang demi masa depan dengan ciri kewarganegaraan satu bangsa, satu bahasa, dan satu negara
6. Remaja perlu menumpukan usaha ke arah menggilap potensi dan menyerlahkan bakat yang ada.
7. Meletakkan prestasi akademik sebagai keutamaan / mereka perlu berusaha dan beriltizam setiap masa serta bersaing secara sihat dalam mengejar ilmu.
8. Pelibatan lebih aktif dalam bidang sukan juga membantu menjayakan gagasan '1Malaysia' .
9. Golongan remaja perlu menyertai pelbagai bentuk program dan aktiviti yang merangkumi aspek politik, ekonomi, budaya dan sosial.
10. Remaja perlu mengambil inisiatif untuk mengenali nilai, norma dan budaya kaum lain.

#### ISI TERSIRAT - Kekangan yang dihadapi

1. Sikap perkauman / sikap prejudis antara kaum / sikap syak wasangka antara kaum.
2. Pemimpin yang hanya berjuang untuk kaum sendiri.
3. Wujudnya persatuan / organisasi / pertubuhan / NGO berbentuk perkauman.
4. Kurangnya kerjasama dalam menyahut dasar kerajaan / remaja tidak ambil peduli masalah sosial dalam kalangan remaja.
5. Sekolah jenis kebangsaan menghalang interaksi antara pelajar yang berbilang kaum.

#### KESIMPULAN

Kesimpulannya, semua pihak perlu berganding bahu menyokong gagasan 1Malaysia agar / supaya kesejahteraan / keharmonian negara dapat dinikmati.

### Soalan 2 (a) - Petikan Umum

- (i) Maksud rangkai kala *menjanakan agenda* ialah menghasilkan/ membuahkan / merealisasikan matlamat/ objektif / sasaran / visi.
- (ii) Kebaikan yang diperoleh jika remaja menyertai program pembangunan belia:
  - remaja dapat berinteraksi.
  - remaja dapat bermesra.
  - dapat mengenali budaya kaum lain.
  - meningkatkan persefahaman antara remaja yang berlainan kaum.
- (iii) Peranan pihak sekolah dalam memahamkan pelajar tentang gagasan '1Malaysia' ialah:
  - program RIMUP (Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan)
  - aktiviti kokurikulum / sukan/ persatuan / unit beruniform
  - aktiviti P dan P di dalam bilik darjah
  - ceramah / pameran tentang gagasan
  - aktiviti gotong royong
  - aktiviti perkhemahan